



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 3 petang, Rabu 13 September 2023

Untuk Terbitan Media

13 September 2023

SIARAN MEDIA

KUNJUNGAN MENTERI SUMBER MANUSIA KE PERKESO NEGERI PERAK

ALERT: 5 INDIVIDU HILANG KERJA DIBERI EMP, OB TERIMA ALAT

PEMULIHAN

IPOH: Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar hari ini mengadakan kunjungan hormat buat julung kalinya ke Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Perak.

Program ini yang turut berlangsung bersekali dengan mini Temu Duga Kerjaya, pembukaan kaunter pameran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dan Skim Pekerjaan Sendiri bertujuan merancakkan pasaran kerja dan memperluas jaringan liputan keselamatan sosial kepada rakyat.

V. Sivakumar menerusi ucapannya berkata, rangkaian usaha ini diyakini berupaya merungkai isu ketidakpadanan kerja, sekali gus menjadikan pertumbuhan pasaran buruh lebih saksama kepada segenap golongan.

“Usaha murni PERKESO yang bukan sekadar menyediakan jaringan perlindungan, malah melebarkan liputan kepada isu peluang pekerjaan, pencegahan bencana kerja, penjagaan kesihatan dan lain-lain wajar diberikan pujian.

“Tahniah! Saya berharap tekad murni sebagai pengamal keselamatan sosial yang proaktif dan merangkumi pelbagai dimensi perkhidmatan terus disemat rapi dalam hati anggota PERKESO.

“Biar pun aturan kerja kita bagai lilin yang membakar dirinya, demi untuk menerangi

orang sekeliling, sedarlah bahawa itu tanggungjawab yang tergalas di bahu masing-masing,” ujarnya.

Pada majlis sama, Menteri Sumber Manusia turut menyampaikan faedah kepada 15 penerima, merangkumi Elaun Mencari Pekerjaan (EMP); faedah PERKESO meliputi Hilang Upaya Kekal, Faedah Pengurusan Mayat dan Ilat; serta bantuan alatan pemulihan, masing-masing lima orang.

Antara alatan pemulihan yang diberikan ialah kerusi roda, kerusi roda boleh laras, *walking frame*, lampin dewasa dan susu.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, peneraju keselamatan sosial negara menyediakan perlindungan kepada pekerja formal dan informal termasuk suri rumah. Antaranya, pemberian faedah berkaitan hilang upaya, kemalangan, kematian dan kehilangan pekerjaan. Peranannya merangkumi perkhidmatan pekerjaan negara (MYFutureJobs). Sehingga Jun 2023, agensi mencatatkan 494,673 majikan aktif, lebih 9 juta orang pekerja. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwat Korporat
13 SEPTEMBER 2023**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my